

Amalan Terbaik Pengajaran dan Pembelajaran Hafazan al-Quran dalam Program Ulul Albab Imtiaz

BITARAVolume 4, Issue 1, 2021: 105-126
© The Author(s) 2021
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>

[Teaching and Learning The Best Practices of Quranic Memorisation at Imtiaz Through Ulul Albab Program]

Wan Ahmad Zakry Wan Kamaruddin,¹ Firdaus Khairi Abdul Kadir² & Azman Che Mat³

Abstrak

Kajian ini bertujuan menerokai amalan pengajaran dan pembelajaran hafazan al-Quran dalam program Ulul Albab IMTIAZ. Amalan pengajaran dan pembelajaran ini terlahir daripada kaedah yang digunakan oleh guru dan pelajar untuk mencapai objektif pembelajaran. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif merangkumi teknik temu bual dan analisis dokumen untuk melaksanakan pengumpulan data dan analisis. Temu bual yang dijalankan melibatkan 13 orang informan termasuk pentadbir, guru dan pelajar. Dokumen yang diteliti pula diperolehi daripada sumber bercetak dan tidak bercetak setakat yang dapat dicapai oleh pengkaji. Dapatan kajian ini mendapati lapan kaedah yang begitu signifikan dalam amalan pengajaran dan pembelajaran hafazan al-Quran IMTIAZ. Namun keberkesanan kaedah ini tidak diukur dengan perbandingan pencapaian pelajar yang dapat menghafaz al-Quran dalam tempoh yang ditetapkan. Kajian ini mempelopori kajian program hafazan Ulul Albab yang berorientasikan kesepaduan aliran pendidikan agama dan sains di peringkat kebangsaan.

Kata kunci:

amalan, pengajaran, pembelajaran, kaedah, hafazan, al-Quran.

Abstract

The purpose of this study is to explore the teaching and learning practices of Quran's memorization in the IMTIAZ Ulul Albab program. This teaching and learning practice is based on the methods used by teachers and students to achieve the learning objectives. The study uses a qualitative approach that includes interview techniques and document analysis to perform data collection and analysis. The interviews conducted involve 13 informants which consisted of admins, teachers and students. The documents under study are obtained from both printed and non-printed sources that are permitted for the use of the researcher. The study identified eight significant methods of teaching of the Quran's memorization in IMTIAZ. However the effectiveness of this method can not be measured by comparison to the achievement of students who can memorise certain verses of the Quran within a given time. This study pioneered the study of the Ulul Albab program for al-Quran memorization that focused on the integration of religious and science education at the national level.

Keywords:

practice, teaching, learning, method, memorization, Quran.

¹ Kolej Genius Insan, Universiti Sains Islam Malaysia Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, MALAYSIA

² Jabatan Kenegaraan dan Peradaban, Pusat Pendidikan Asas & Lanjutan, Universiti Malaysia Terengganu, 21030 Kuala Nerus Terengganu, MALAYSIA

³ Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Cawangan Terengganu, 23000 Kuala Dungun, Terengganu, MALAYSIA

Corresponding Author:

AZMAN CHE MAT, Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Cawangan Terengganu, Terengganu, MALAYSIA
E-mail: azman531@uitm.edu.my

Cite This Article:

Wan Ahmad Zakry Wan Kamaruddin, Firdaus Khairi Abdul Kadir & Azman Che Mat. 2021. Amalan terbaik pengajaran dan pembelajaran hafazan al-Quran dalam program Ulul Albab Imtiaz. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 4(1): 105-126.

Pengenalan

Al-Quran merupakan kalam Allah yang menjadi panduan hidup dan mati bagi orang Islam. Kitab suci ini dinamakan sedemikian kerana al-Quran memberi pengertian bahawa ianya harus selalu dibaca dan diperhatikan isinya oleh setiap orang Islam. Al-Quran diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW dalam bahasa Arab. Kandungannya lengkap dengan hal-hal ketuhanan, cara beribadah, hukum-hakam, pengajaran, nasihat, cerita, sejarah dan ilmu pengetahuan yang dapat memimpin manusia ke arah kebenaran, ketinggian dan kemuliaan dunia dan akhirat. Kandungannya juga sesuai untuk digunakan oleh semua bangsa bagi setiap masa dan segenap tempat.

Menurut Drs. Shodiq Se dan H. Shalahuddin Chaery Ba (1983), tafsir al-Quran bermaksud suatu interpretasi, analisis atau keterangan mengenai makna kisah-kisah, sebab-sebab turunnya ayat-ayat al-Quran, hukum-hukum yang terkandung di dalamnya atau yang dikehendaki, hikmah-hikmahnya dan sebagainya. Dengan itu, tafsir ini diperlukan kerana isi kandungannya mempunyai pengertian yang begitu umum dan luas, iaitu tidak semua umat Islam mampu memahaminya. Oleh itu, bagi mendalami dan memahami isi al-Quran, pengajaran dan pembelajaran hafazan al-Quran diwujudkan bersesuaian dengan situasi dan kondisi serta pola hidup mengikut peredaran zaman.

Ulul Albab pula merujuk kepada orang yang mengerti yang membawa maksud golongan yang matang dan bertamadun, memiliki akal fikiran dan kefahaman yang mampu membuat penilaian yang tepat bagi setiap perkara yang didengar dan dilihat (Dusuki Ahmad, 2012). Kemuncaknya mereka akan menemui hakikat kebenaran yang menyelamatkan kehidupan umat manusia di dunia dan di akhirat. Golongan ini mampu membezakan antara yang benar dan yang salah, antara yang baik dan yang buruk, antara yang berfaedah dan yang sia-sia. Mereka inilah yang disebut oleh al-Quran sebagai golongan yang mendapat petunjuk hidayah daripada Allah SWT (al-Zumar 39:17-18). Golongan yang tidak termasuk dalam ulul albab ialah mereka yang menerima apa sahaja berita yang didengar dan khabar yang disampaikan tanpa membuat penilaian yang baik. Tidak juga dikatakan masyarakat yang bersifat ulul albab sekiranya dalam masyarakat itu dipenuhi dengan berita palsu, fitnah-memfitnah dan lain-lain keburukan (al-Baqarah 2:269). Justeru, program Ulul Albab diperkenalkan di Sekolah Menengah IMTIAZ di negeri Terengganu bagi membentuk pelaksanaan yang lebih sistematik dan teratur selain mengintegrasikan pendidikan aliran perdana dengan aliran agama.

Aminudeen (2012) menyatakan bahawa pendekatan ulul albab memfokuskan kepada tiga komponen utama, iaitu *qur'anic*, *ijtihadik* dan *ensiklopedik*. Program ini mula diperkenalkan dalam sistem pendidikan melalui penubuhan Sekolah Menengah Imtiaz Yayasan Terengganu. Tujuan penubuhan Imtiaz pada mulanya hanyalah untuk menjadikan Terengganu

sebagai tunjang pendidikan Islam utama di Malaysia dengan mengambil konsep pemodenan sekolah pondok. Selain itu, program ini juga telah dilaksanakan selama 20 tahun di Sekolah Menengah Imtiaz dan baru sahaja diperkenalkan sebagai Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) oleh Kementerian Pendidikan Malaysia 6 tahun yang lepas.

Berdasarkan program yang diketengahkan oleh Imtiaz yang seterusnya diikuti oleh MRSM, ianya membuktikan bahawa program ulul albab ini memberikan impak positif dalam amalan pengajaran dan pembelajaran hafazan al-Quran, bersesuaian dengan kajian yang dilakukan.

Objektif Kajian

Kajian ini memfokuskan kepada dua objektif utama, iaitu:

1. Mengetahui amalan pengajaran hafazan al-Quran Ulul Albab di IMTIAZ;
2. Mengetahui amalan pembelajaran hafazan al-Quran Ulul Albab di IMTIAZ.

Sorotan Literatur

Program Ulul Albab

Program Ulul Albab mengkhususkan kepada individu yang mempunyai kepelbagaian, iaitu bakat atau kebolehan dalam sesuatu bidang. Seperti yang dinyatakan, tunjang utama program ini adalah berkonsepkan *qur'anik*, *ijtihadik* dan *ensiklopedik*. Program ini juga merupakan satu program di bawah gabungan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) dengan al-Quran yang menjadikannya sebagai satu asas pembelajaran yang lebih sistematik dan teratur.

Beberapa komponen penting dalam hafazan al-Quran seperti aspek naqli dan aqli telah dijadikan sebagai dasar pendidikan untuk merealisasikan program Ulul Albab ini. Tumpuan program ini tidak lagi berlandaskan kepada hafazan semata-mata, namun dimasukkan juga elemen-elemen pengetahuan al-Quran sebagai sumber ilmu bagi membentuk mental kognitif yang tinggi dalam memberikan pandangan tentang sesuatu perkara. Hal ini dapat diperkukuhkan lagi dengan memperlihat komponen-komponen asas program Ulul Albab seperti berikut:

Komponen Quranik dalam Program Ulul Albab

Pengetahuan yang tinggi mengenai bacaan, teranum serta amalan ajaran al-Quran amatlah penting untuk digelar sebagai golongan *Quranik*, bukanlah sekadar menghafal 30 juzuk al-Quran (IMTIAZ, 2008). Menurut Pengurusan IMTIAZ (2007), program hafazan al-Quran menasaskan pelajar untuk menghafal sekurang-kurangnya 10 juzuk setahun selama tiga tahun dari Tingkatan 1 hingga 3, seterusnya melakukan pengulangan juzuk pada Tingkatan 4 dan 5. Data di bawah merupakan jadual pencapaian hafazan Sekolah Menengah IMTIAZ Terengganu dari tahun 2008 hingga tahun 2017.

Jadual 1 Pencapaian Hafazan Sekolah IMTIAZ Terengganu 2008-2017

Analisis Terkini Data Khatam (30 Juzuk) Hafaz Al-Quran										
Tahun Khatam	Jumlah Keseluruhan Pelajar	Imtiaz YT Besut	Imtiaz YT Dungun	Imtiaz YT K.Brg	Imtiaz YT K.Trng	Imtiaz YT Kemaman	Imtiaz YT K.Nerus	Imtiaz YT Setiu	Jumlah Khatam	Peratus
2008	1122	0	8	0	1	0	0	0	9	0.8%
2009	1276	0	15	1	1	0	0	0	17	1.3%
2010	1528	17	98	24	38	0	0	0	177	11.6%
2011	1819	35	76	33	40	0	0	0	184	10.1%
2012	1961	38	92	61	93	3	0	0	287	14.6%
2013	2029	44	70	31	73	30	0	0	248	12.2%
2014	2112	52	85	48	85	29	0	0	299	14.2%
2015	2335	65	70	37	73	42	0	0	287	12.3%
2016	2399	40	92	25	69	50	0	0	276	11.5%
Sep. 2017	2550	59	53	48	66	45	24	15	310	12.2%
Keseluruhan Khatam	19131	35	65	30	53	19	24	15	2094	10.9%
Jumlah Pelajar Mengikut Tahun Semasa		51	49	26	51	29	15	22		
		4	1	9	3	2	5	9		

(Sumber: Yayasan Terengganu, 2017)

Jadual 1 di atas merekodkan pencapaian hafazan al-Quran di seluruh sekolah IMTIAZ di negeri Terengganu dari tahun 2008 hingga 2017 (10 tahun). Jika dilihat secara terperinci, pencapaian hafazan yang berjaya mencapai 20 juzuk hanyalah sekitar 0.8% hingga 14.2% sepanjang tempoh ini. Hal ini sudah pasti tidak memberi petunjuk yang baik kepada pelaksanaan program hafazan al-Quran. Jabatan Audit Negara Malaysia (2016) telah menyatakan dengan jelas berkenaan hal ini pada perenggan 2.5.4. b:

“Sasaran menghafaz sekurang-kurangnya 20 juzuk al-Quran sehingga tamat Tingkatan 3 tidak tercapai di mana seramai 1,124 orang atau 46.1% daripada 2,438 pelajar berjaya menghafaz sekurang-kurangnya 20 juzuk al-Quran bagi tempoh tahun 2010 hingga 2015 berbanding sasaran 100%.”

Berdasarkan senario di atas, pengkaji mendapati perlunya satu kajian dijalankan untuk meneliti amalan pengajaran serta pembelajaran hafazan al-Quran di IMTIAZ. Amalan yang dilakukan masih belum diketahui sama ada selaras dengan amalan yang dipraktikkan di dalam pusat-pusat tahfiz al-Quran perdana ataupun terdapat ciri-ciri amalan lain yang belum dikenal pasti.

Pengajaran dan Pembelajaran Hafazan al-Quran

Kajian mengenai amalan pembelajaran pelajar tahfiz oleh Azmil Hashim & Ab. Halim Tamuri (2012) bertujuan untuk mengenal pasti persepsi kaedah amalan pembelajaran tahfiz di Darul Quran JAKIM dan Maahad Tahfiz al-Quran negeri (MTQN) di Malaysia. Kajian ini tertumpu kepada 11 buah Maahad dan institusi tahfiz dan seramai 212 orang pelajar telah dipilih untuk menjadi responden. Selain itu, instrumen yang digunakan bagi mendapatkan data kajian adalah soal selidik. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kaedah yang sering diamalkan dalam pembelajaran tahfiz adalah kaedah *takrar* dan *tasmi'*, manakala *talaqqi* dan *musyafahah* pula di tahap yang sederhana kerana tidak mencapai tahap yang sepatutnya. Kaedah kefahaman dan penulisan pula kurang diberi penekanan oleh pelajar, menyebabkan kedua-dua kaedah ini berada di tahap sederhana rendah. Oleh yang demikian, dapatlah dilihat bahawa kaedah paling utama yang seharusnya diberi perhatian adalah *tasmi'*, *takrar*, *talaqqi* dan *musyafahah*. Walau bagaimanapun, kaedah penulisan dan kefahaman dalam pembelajaran tahfiz juga perlu diberi penekanan bagi mencapai objektif pembelajaran yang diinginkan.


Mohamad Khairudin Bajuri et al. (2014) pula menjalankan kajian mengenai pendekatan peneguhan bagi aktiviti hafazan al-Quran dalam kalangan pelajar di peringkat menengah rendah. Kajian ini melihat kepada aktiviti hafazan al-Quran serta pelaksanaan peneguhan, iaitu amalan pemberian ganjaran sama ada positif atau negatif dan hukuman sebagai pendorong kepada peningkatan prestasi pelajar dalam aktiviti hafalan tersebut. Seramai enam orang guru dan sepuluh orang pelajar di sekolah agama peringkat menengah rendah telah dikenal pasti dan ditemu bual dalam proses pengutipan data. Berdasarkan kajian ini, pengkaji mendapati bahawa peneguhan yang diamalkan adalah bertujuan bagi meningkatkan prestasi hafalan al-Quran oleh pelajar. Hasil kajian ini berkait rapat dengan perubahan tingkah laku setelah peneguhan lazim yang melibatkan ganjaran positif, ganjaran negatif dan hukuman diberikan sama ada sebagai pendorong atau motivasi. Dengan itu, peneguhan aktiviti hafazan ini menunjukkan kesan yang positif kepada pelestarian pembelajaran tahfiz dalam kalangan pelajar.

Kajian yang dijalankan oleh Wan Khalijah Wan Jusoh, et al. (2013) meneliti amalan kaedah hafazan dalam kalangan pelajar tahfiz. Kajian ini dilakukan bagi mengenal pasti jenis kaedah menghafaz al-Quran dan kaedah yang paling digemari oleh para pelajar di Darul Quran, JAKIM. Seramai 55 orang pelajar tahun akhir telah menjadi responden dalam kajian ini. Proses pengumpulan data telah dilakukan dengan menggunakan kaedah kuantitatif, iaitu soal selidik dan kualitatif, iaitu pemerhatian. Hasil kajian merumuskan terdapat tiga kaedah yang paling diminati, iaitu tafsir sebelum dan selepas menghafaz al-Quran, kaedah menghafaz dengan memfokuskan kepada satu mashaf al-Quran sahaja dan kaedah menghafaz secara bersendirian.

Kajian berkaitan aspek kaedah hafazan al-Quran oleh Wan Ainun Sailah Wan Adnan (2018) pula bertujuan untuk meneliti kaedah-kaedah yang digunakan oleh pelajar IMTIAZ dalam menghafaz al-Quran. Kaedah-kaedah hafazan daripada al-Ghawthāni (1998) telah diadaptasikan sebagai instrumen utama kajian dalam membangunkan soal selidik. Walau bagaimanapun, kajian ini hanya memfokuskan kepada 60 orang pelajar di sebuah sekolah sahaja, iaitu Sekolah Menengah IMTIAZ Kuala Terengganu. Responden kajian hendaklah mempunyai ciri utama seperti telah menghafaz 20 juzuk dan ke atas. Dapatan kajian mendapati bahawa pelajar mengamalkan 17 kaedah hafazan dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu

sebelum, semasa dan selepas menghafaz. Namun begitu, kaedah-kaedah dalam kajian ini mencakupi amalan yang umum seperti niat, hubungan baik dengan guru, berdoa, menjauhi maksiat dan menghafaz semasa masih kecil. Oleh itu, bagi menyesuaikan dapatan kajian lepas dengan kajian yang dilakukan, pengkaji telah mengenal pasti kaedah-kaedah yang bersesuaian dengan hafazan al-Quran sahaja, iaitu perbetul bacaan, bertajwid, bacaan harian, faham maksud, tumpu halaman, ulang kaji secara sistematik.

Berdasarkan perbincangan di atas, pengkaji telah membuat meta-analisis dan merumuskan bahawa kaedah hafazan al-Quran secara umumnya diamalkan dalam aliran tahfiz sebagai kaedah tradisional. Kaedah ini boleh dijelaskan oleh rajah di bawah:



Rajah 1. Kerangka Teori Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Hafazan al-Quran

Rajah di atas menjelaskan bahawa kaedah tradisional hafazan al-Quran seperti dalam kajian lepas boleh dijelaskan seperti di atas, iaitu kaedah asas dan kaedah tindakan. Kaedah asas bermaksud kaedah umum yang bersifat konseptual dan ianya disokong oleh kaedah tindakan yang dapat memastikan proses pengajaran dan pembelajaran dapat dilakukan sebaiknya. Sebagai contoh, kaedah *talaqqi* dapat dilaksanakan dengan memperbaiki mutu bacaan pelajar, memberi pendedahan hukum tajwid dan menjelaskan maksud-maksud ayat al-Quran yang dibaca dan akan dihafaz. Manakala pengawalan dan pemantauan pula tidak termasuk dalam kaedah hafazan, namun ianya penting sebagai mekanisme untuk mengawal dan memantau proses pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran berjalan seperti yang sepatutnya di samping membentuk budaya pembelajaran yang berkualiti.

Metodologi Kajian

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan tiga kaedah utama, iaitu data kajian yang dikutip bersumberkan dokumen, temu bual dan analisis. Dalam hal ini, pendekatan kualitatif digunakan bagi melakukan kajian ini kerana kualitatif merupakan data yang diperoleh daripada

percakapan, pemerhatian dan analisis sesuatu perkara yang berkaitan dengan isu yang dikaji (Burn, R.B, 1995).

Temu Bual

Bagi pelaksanaan temu bual, pengkaji perlu mengenal pasti dan menentukan individu yang disasarkan dapat memberi maklum balas. Temu bual ini melibatkan pentadbir, guru dan pelajar IMTIAZ yang sedang mengikuti pengajian di IMTIAZ pada sesi 2018-2019. Sebanyak dua orang pentadbir, lima orang guru al-Quran dan enam orang pelajar. Jadual 2 di bawah menjelaskan maklumat informan:

Jadual 2 Taburan Informan Kajian

Bil.	Informan	Kod Pengenal	Bilangan
1	Pentadbir	PTD	2 orang
2	Guru	GR	5 orang
2	Pelajar	PLJR	6 orang

Protokol temu bual pula dirumuskan daripada teknik dan tatacara hafazan oleh al-Ghawthāni (1998). Berdasarkan rumusan ini, pengkaji mengajukan soalan secara langsung dan tidak langsung berkenaan teknik yang dipraktikkan oleh pelajar IMTIAZ semasa mengikuti program al-Quran IMTIAZ.

Dokumen

Kaedah ini perlu dilakukan pada peringkat awal sebelum menjalankan kajian seterusnya. Pembacaan dan pemahaman adalah penting dalam memastikan pengkaji memilih bahan yang bersesuaian dengan tajuk yang ingin dikaji. Berdasarkan penjelasan Bailey (1984), mana-mana bahan bertulis yang mempunyai informasi berkenaan dengan isu yang hendak dikaji merupakan aspek yang perlu ada dalam sesebuah analisis dokumen. Justeru itu, dokumen yang menjadi data kajian ini terdiri daripada pelbagai sumber rekod sekolah, risalah, buku, minit mesyuarat, pembentangan *power point* dan laman sesawang.

Analisis

Data-data yang dikutip kemudiannya dihuraikan secara deskriptif berdasarkan dokumen dan informan kajian. Berpandukan kepada kaedah dan teknik hafazan al-Ghawthāni (1998), tema-tema dibangunkan untuk mengklasifikasi jenis-jenis teknik dan kaedah yang terlaksana kepada kelompok sasar kajian ini.

Dapatan Kajian

Analisis kajian ini diperolehi berdasarkan maklumat-maklumat daripada kaedah pengajaran dan pembelajaran hafazan al-Quran. Dapatan kajian dapat dijelaskan dengan lebih teliti dalam perenggan yang berikutnya.

Penerapan Kaedah Hafazan dalam Pengajaran dan Pembelajaran al-Quran Imtiaz

Cara hafazan yang bersesuaian adalah signifikan bagi pelajar untuk melestarikan hafazan yang telah dilakukan dan diteruskan dengan hafazan yang baru. Pengajaran serta kaedah pembelajaran hafazan bergantung kepada persekitaran, keperibadian dan keupayaan mental setiap individu secara tersendiri. Oleh itu, beberapa kaedah hafazan yang telah dikenal pasti dalam kajian-kajian lepas. Pengkaji juga mendapati bahawa terdapat lapan kaedah hafazan yang diamalkan dalam pengajaran dan pembelajaran hafazan berdasarkan temu bual dan analisis dokumen yang dilakukan di IMTIAZ. Berikut merupakan jadual amalan pengajaran dan pembelajaran hafazan yang ditemui:

Jadual 3 Amalan Pengajaran dan Pembelajaran Hafazan Berdasarkan Kaedah Hafazan

Bil.	Kaedah	Pengajaran	Pembelajaran	Kaedah	Penjelasan Ringkas
1	Ulangan		√	Asas	Pelajar mempraktikkan ulangan secara sendiri; berpasangan dan berkumpul.
2	<i>Halaqah</i>	√		Tindakan	Guru membahagikan kumpulan pelajar untuk menjalankan aktiviti hafazan al-Quran
3	<i>Talaqqi</i>	√		Asas	Guru membimbing bacaan al-quran secara bersemuka sebelum hafazan dilakukan.
4	<i>Tasmi'</i>	√		Asas	Guru <i>tasmi'</i> memainkan peranan untuk mengesahkan hafazan pelajar.
5	<i>Muraja'ah</i>		√	Tindakan	Pelajar membuat <i>muraja'ah</i> secara sendiri atau berpasangan dan disemak oleh guru
6	Fiqh Ayat	√		Tindakan	Guru memberi penjelasan fiqh ayat sebelum memulakan hafazan baharu.
7	Gundal		√	Tindakan	Pelajar membuat kiraan sendiri pencapaian bacaan dan hafazan. Guru menyemak catatan pelajar.

8	<i>Taqsim</i>	√	Tindakan Pelajar membahagikan kadar yang dihafaz dengan bimbingan guru.
---	---------------	---	---

Jadual 3 di atas menunjukkan lapan kaedah yang diamalkan di IMTIAZ yang mencakupi kaedah asas, iaitu ulangan (*takrar*), bersemuka (*talaqqi*) dan *tasmi'*. Selain itu, kajian ini mendapati kaedah tindakan juga dilaksanakan, iaitu halaqah, *muraja'ah* (ulang kaji), fiqh ayat (faham ayat), gundal dan *taqsim* (pembahagian kadar hafazan). Seterusnya, pengkaji membincangkan dapatan dokumen dan data temu bual yang berkaitan bagi menjelaskan kaedah-kaedah hafazan dengan lebih lanjut. Data-data tersebut adalah seperti berikut:

Ulangan (*takrār*)

Ulangan yang dimaksudkan adalah kaedah pembacaan yang dilakukan secara berulang-ulang sehingga seseorang itu mampu mengingati setiap ayat tersebut. Kaedah yang sama juga digunakan bagi ayat yang baru setelah pelajar berjaya menghafal ayat itu dengan baik dan sempurna.

Kadar ulangan adalah berbeza bergantung kepada kepantasan seseorang dalam mengingat. Azmil Hashim & Kamarul Azmi Jasmi (2016) menjelaskan bahawa kaedah ulangan ini bukan hanya merupakan kaedah utama dalam menghafaz al-Quran, malah ianya adalah asas kepada kekuatan hafazan para pelajar. Perkara yang sama turut dinyatakan oleh al-Ghawthāni (1998), iaitu kaedah takrir ini perlu diulang sebanyak yang mungkin dengan suara yang boleh didengar. Berikut merupakan temu bual bersama informan yang membuktikan bahawa kaedah ini sememangnya diamalkan oleh para pelajar tersebut:

“Setiap individu berbeza cara hafal. Kalau saya sendiri, saya suka kalau kita ulang-ulang setiap ayat tu sampai ingat...” (PLJR3).

Berikut pula merupakan perincian yang dijelaskan oleh informan mengenai kaedah ulangan ayat-ayat yang dilakukan secara menyeluruh:

“Baca ayat tu banyak kali, hafal, masuk ayat kedua, pahtu baca ayat tu, pahtu lepas ingat ayat kedua tuh, masuk pada ayat mula-mula. Sampai habis.” (PLJR2).

Pelaksanaan kaedah ini dilakukan dengan cara pelajar menghimpunkan ayat-ayat yang dihafaz hingga ayat terakhir rubu' terlebih dahulu, kemudian barulah diulang ayat yang pertama tadi. Informan lain pula menjelaskan mengenai amalan yang biasa digunakan dalam menghafaz, iaitu perlulah bermula dengan memperbetul bacaan secara *talaqqi*:

“Kalau mengikut kaedah saya, erm..terlebih dahulu saya akan *talaqqi* bersama guru *tasmi'*. *Talaqqi* itu memperbaiki bacaan sebelum menghafal dia lebih memudahkan kita. Kalau ada kesalahan, tanda.” (PLJR5).

Menurut informan lagi, ulangan juga dilakukan bergantung kepada kemampuan setiap individu dalam hafazan:

“Jadi satu bahagian tu saya akan ulang dalam 20-30 kali. Setiap hari..jadi saya kena cari masa baik-baik. Bagi masa dengan belajar.” (PLJR5).

Berkenaan amalan taktir ini, Rekod Hafazan Pelajar (tanpa tarikh) mencatatkan pada halaman satu bahawa: “Semasa menghafaz, baca ayat di muka surat yang hendak dihafaz berulang kali dengan betul dan menepati hukum tajwid.” Hal ini adalah selari dengan amalan hafazan seperti al-Naysāburi mengulang hafazan sebanyak 50 kali, manakala al-Shirāzi pula sebanyak 100 kali (al-Ghawthāni, 1998). Justeru itu, amalan taktir ini tidak terhad kepada kekerapan tertentu, bahkan ia boleh dilakukan mengikut kemampuan dan keperluan masing-masing.

Halaqah

Halaqah merupakan perkataan Arab yang bermaksud “lingkaran” atau “lingkungan”. Perkataan berasal daripada perkataan Arab yang membawa maksud “lingkaran” atau “lingkungan.” Di IMTIAZ, istilah *halaqah* digunakan untuk aktiviti secara berkumpulan sekitar 10 orang setiap *halaqah*. Aktiviti al-Quran yang dipraktikkan di IMTIAZ menggunakan *halaqah* yang terdiri daripada pelajar-pelajar dan seorang guru pembimbing. Sekiranya bilangan pelajar besar, maka nisbah guru dan pelajar menjadi besar dan memerlukan masa yang lebih lama. Oleh itu, di IMTIAZ setiap *halaqah* hanya dianggotai oleh 10 orang pelajar sahaja seperti yang dinyatakan oleh informan:

“Dalam setiap *halaqah*...yang kita *allocate* hanyalah 10 orang satu *halaqah*. (PTD1).”

Meskipun sebelum ini, setiap *halaqah* boleh mencapai 15 orang setiap satu seperti yang dinyatakan oleh PTD2:

“Dulu kita kekurangan guru. Guru *tasmi*’. Satu *halaqah* kadang-kadang 15, 15. Sebab guru-guru *tasmi*’ dulu dibekalkan oleh Yayasan Terengganu. Walaupun dibekalkan Yayasan Terengganu, kadang-kadang kan kapasiti kita katakan 1:10 kan. Kadang-kadang...orang panggil apa benda... berlaku guru tu datang pergi...begitu...jadi nak ambik guru yang lain tu jadi menyebabkan *halaqah* itu sentiasa terganggu.” (PTD2)

Dokumen yang diteliti pengkaji ada mencatatkan bagaimana kaedah *halaqah* terpakai dalam aktiviti hafazan. Dokumen “Buku Rekod Kehadiran Pelajar dan Rekod *Talaqqi Halaqah* al-Quran” (2018) secara jelas menyebut perkataan *halaqah* sebagai satu kaedah yang wajib dilaksanakan. Dokumen yang sama juga menyediakan 13 ruang untuk nama pelajar yang terlibat dalam *halaqah* lengkap dengan butiran tarikh kehadiran berserta dengan ruang penyemak dan pengesahan semakan. Manakala susun atur *halaqah* yang ditetapkan oleh pihak

IMTIAZ adalah seperti di bawah dengan nisbah pembahagian pelajar adalah 1:5 bagi pelajar yang telah khatam (Kurikulum 2010):



Rajah 2. Kaedah Halaqah di Masjid

Talaqqi

Perkataan ini memberi maksud menerima dan memperolehi sesuatu seperti firman Allah Taala yang bermaksud: Kemudian Nabi Adam menerima dari Tuhannya beberapa kalimah (kata-kata pengakuan taubat yang diamalkannya) (al-Baqarah, 2: 37). *Talaqqi* dalam program hafazan bermaksud mempelajari bacaan al-Quran secara bertajwid, membetulkan segenap segi pembacaan. Dalam program al-Quran, *talaqqi* merupakan proses yang mesti dilalui oleh setiap pelajar bersama guru Quran. Menurut Azmil Hashim & Kamarul Azmi Jasmi (2016) guru berperanan memastikan bacaan pelajar dan membetulkan bacaan pelajar, manakala pelajar pula berperanan mencontohi bacaan guru dan memperdengarkan bacaannya kepada guru. Berdasarkan temu bual dengan informan, jelas bahawa *talaqqi* merupakan kaedah yang dipraktikkan secara serius oleh guru dan pelajar. Informan menyatakan:

“Ok, di samping itu jugak, sebelum pelajar menghafal tu dia jugak akan *talaqqi* dengan guru, guru yang bertugas malam itu atau pun selepas dia tasmī’ selepas pagi tuh..dia akan *bertalaqqi* betulkan tajwid dulu, betulkan sebutan huruf apa semua.” (GR3).

Menjadi tanggungjawab pelajar yang menghafaz al-Quran untuk membetulkan bacaan sebelum menghafaz. Al-Ghawthāni (1998) menyatakan bahawa jika kesalahan dibiarkan semasa menghafaz, pelajar akan sukar untuk memperbaiki bacaannya meskipun diberitahu selepas itu. Pengkaji mendapati informan kajian memberi perhatian kepada bacaan yang betul sebelum memulakan hafazan seperti berikut:

“Kalau mengikut kaedah saya, erm..terlebih dahulu saya akan *talaqqi* bersama guru tasmik. *Talaqqi* itu memperbaiki bacaan sebelum menghafal dia lebih memudahkan kita. Kalau ada kesalahan, tanda.”(PLJR5)

Berdasarkan pernyataan kedua-dua informan di atas, jelas kaedah *talaqqi* merupakan satu kelaziman yang perlu dilalui oleh pelajar sebelum memulakan hafazan yang baru. Tujuan *talaqqi* ialah untuk memastikan hafazan yang dilakukan tidak terdapat kesilapan bacaan sama ada dari aspek sebutan dan juga tajwid. Dalam dokumen yang sama, iaitu Buku Rekod Kehadiran Pelajar dan Rekod *Talaqqi Halaqah al-Quran* (2018) menyebut kaedah *talaqqi* bersama dengan kaedah *halaqah*. Pengkaji juga mendapati ada dokumen lain yang khusus untuk *talaqqi*, iaitu “Rekod *Talaqqi*” (2018) yang mencatatkan: Rekod *Talaqqi* Pelajar sebelum menghafaz 2018. Hal ini bermakna kaedah *talaqqi* diaplikasikan sebelum hafazan dimulakan, selaras dengan dokumen “Rekod Hafazan Pelajar untuk guru” (tanpa tarikh) yang mencatatkan dalam panduan sebelum menghafaz al-Quran pada poin keempat: Ayat yang hendak dihafaz telah *ditalaqqi*.

Tasmi'

Perkataan *tasmi'* juga diambil daripada bahasa Arab yang membawa maksud mendengarkan, menjadikannya mendengar (Mohd Khairi Zainuddin et al. 2010). Bagi penghafaz al-Quran, *tasmi'* dilakukan untuk memeriksa bacaan yang baru dihafaz di hadapan guru. Namun pelajar boleh juga melakukan *tasmi'* sesama sendiri sebelum dilakukan di hadapan guru.

Pelajar seharusnya menjadikan kaedah *tasmi'* sebagai amalan dalam pengajaran dan pembelajaran tahfiz kerana pelajar tidak mampu untuk menyemak bacaan sendiri melainkan orang lain atau guru yang akan mendengarkan bacaannya (Azmil Hashim & Kamarul Azmi Jasmi 2016). Oleh yang demikian pengkaji mendapati pelajar IMTIAZ juga melakukan proses *tasmi'* semasa waktu al-Quran seperti yang dinyatakan dalam temu bual berikut:

“Sepatutnya mereka boleh tetapi, begitulah mereka. Masa Quran duduk *tasmi'* dan kadang-kadang pelajar ini nak *tasmi'* empat muka surat, yang tu lima muka surat, kawan-kawan yang ada 4-6 orang lagi, tak sempatlah.” (PTD2)

Dalam pernyataan di atas, informan menyebut *tasmi'* merupakan rutin dalam kalangan pelajar al-Quran, setiap orang mengambil empat hingga lima muka surat untuk *tasmi'*. Jika hal ini berlaku, ia boleh menyebabkan masa yang diperuntukkan tidak mencukupi. Walaupun begitu, aktiviti *tasmi'* tetap perlu diteruskan. Para informan yang berikutnya menceritakan bagaimana proses *tasmi'* dijalankan dalam sesi *halaqah*:

“Ok, di samping itu jugak, sebelum pelajar menghafal tu dia jugak akan *talaqqi* dengan guru, guru yang bertugas malam itu atau pun selepas dia *tasmi'* selepas pagi tuh...dia akan bertalaqqi betulkan tajwid dulu, betulkan sebutan huruf apa semua. Kemudian pagi pukul 6.30, bermula 6.30 hingga pukul 7.00 tuh sesi untuk pengulangan untuk pemantapan hafazan. Ok, dia akan guna masa tu untuk ber..*tasmi'* dengan kawan-kawan dia. Ok kemudian, pada pukul 7.30 hingga pukul 9.30 pagi bermulalah sesi hafazan di situ, sesi *tasmi'* bersama guru. Ok, selepas pelajar habis *tasmi'*, kemudian dia akan ulang, *muraja'ah*, hafazan atau yang dah lama contohnya kelmarin, contohnya. Ok, setakat itu sahajalah daripada saya.”(GR3)

Oleh kerana proses *tasmi'* bertujuan menguji bacaan hafazan pelajar, maka sudah pasti terdapat kesilapan atau lupa. Oleh yang demikian maka pelajar berkenaan perlu mengulang kembali *tasmi'* sehingga guru berpuas hati. Hal ini diceritakan oleh seorang informan seperti berikut:

“Ada pelajar yang suka bercerita. Pastu biasanya pelajar akan datang banyak kali lah...bukan sekali. Aaa lepas dia *tasmi'*, dia duduk, dia datang balik. Dan biasa kita akan terima pelajar yang sama tiga kali. (GR4)

Di samping itu ada juga pelajar yang nakal untuk mengalih tumpuan guru daripada melakukan *tasmi'*. Helah ini digunakan untuk mengelak daripada guru menguji bacaan dan seterusnya menyebabkan masa terbuang begitu sahaja. Namun dalam kes seperti ini, guru perlu tegas dan menggunakan cara diplomasi.

“Dalam masa yang sama kalau pelajar saya ni, dia bukan sahaja nak *tasmi'* dalam masa kelas Quran tu dia berteka teki, main teka teki. Lepas tu saya kena jawab. Aaa..dia kata sikit jer ustazah...ustazah kena jawab. Sikit-sikit jer..aa..dia macam tu...tapi kadang-kadang saya tak layan, sebabnya nok suruh dia mengaji.” (GR4)

Selain daripada itu, proses *tasmi'* merupakan cabaran bagi pelajar kerana ia merupakan ujian kecil sebelum mereka benar-benar berjaya menjadi seorang hafiz. Jadual harian yang padat serta, tidak sempat *tasmi'* kerana turutan giliran yang padat serta terpaksa mengulang semula hafazan sebelumnya sebelum dapat memulakan *tasmi'* hafazan yang baru.

“Saya selalunya ketika *tasmi'* dengan ustaz saya akan baca dulu malam tu lepas Isyak. Pastu saya hafal, pahtu *refresh* semula pada selepas subuh. Dan *tasmi'* pada waktu pagi. (PLJR1).

Informan yang berikut pun mengalami masalah yang sama:

“Kadang-kadang dalam satu *halaqah* tu ada lapan orang jer, nok kena berebut masa nak *tasmi'* tuh. Jadi itulah masalah saya.”(PLJR5).

Bagi informan juga, sesi *tasmi'* menjadi semakin sempit kerana pelajar perlu melakukan *muraja'ah* sebelum memperdengarkan hafazan yang baru:

“Pahtuh or...kalau nak tahfiz muka surat enam tuh, dia kena ulang muka surat satu sampai muka surat lima dulu. Baru dapat *tasmi'* muka surat enam.” (PLJR2).

Bagi sesi *tasmi'* pihak pengurusan IMTIAZ telah membahagikan kepada dua (Kurikulum 2010), iaitu ayat *tasmi'* baru (ATB) dan ayat *tasmi' muraja'ah* (ATM). Oleh itu,

apabila pelajar telah melakukan hafazan sama ada ayat baru atau ayat lama, kesemuanya perlu *ditasmi*'kan di hadapan guru. Perincian agihan masa untuk aktiviti tasmi' diputuskan dalam Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah Ke-10 (2009) seperti berikut:

- a. ATB digunakan untuk satu jam pertama (7.30-8.30 pagi), iaitu pelajar mempersembahkan ayat yang baru dihafaz kepada guru pembimbing,
- b. ATM digunakan untuk satu jam yang kedua (8.30-9.30 pagi), pelajar akan memperdengarkan ayat yang telah lama dihafaz sebelumnya kepada guru pembimbing bagi menguatkan lagi hafazan yang telah dibuat.

Muraja'ah

Muraja'ah pula ialah ulangkaji pembelajaran yang lepas untuk tujuan semakan dan pengukuhan. *Muraja'ah* berbeza dengan *takrīr*, kerana *muraja'ah* merupakan sesi semakan bacaan yang telah dihafaz manakala *takrīr* pula ialah untuk memulakan hafazan baharu. Sesi *muraja'ah* yang dilakukan dengan kerap dapat menguatkan lagi ingatan kekal. Al-Ghawthāni (1998) menegaskan bahawa sesi *muraja'ah* amatlah penting dan lebih sukar berbanding menghafaz. Menurut beliau lagi, menghafaz memerlukan sedikit motivasi berbanding *muraja'ah* yang memerlukan kesungguhan, sabar, kekal dan berterusan terutama sekali pada peringkat awal untuk menguatkan hafazan. Oleh yang demikian, apabila pelajar sudah berjaya menamatkan tahap-tahap tertentu hafazan, sesi *muraja'ah* perlu dilakukan agar hafazan yang lama tetap utuh.

Dalam sesi temu bual, informan kerap merujuk kepada *muraja'ah* sebagai satu elemen penting dalam kaedah hafazan IMTIAZ. *Muraja'ah* adalah sesi yang mesti dilakukan seperti dalam penjelasan berikut:

“Masa Quran duduk tasmi' dan kadang-kadang pelajar ini nak tasmi' empat muka surat, yang tu lima muka surat, kawan-kawan yang ada 4-6 orang lagi tak sempatlah. Dia nak *muraja'ah* dan sebagainya.”(PTD2)

Informan merujuk kepada keperluan sesi *muraja'ah* setiap kali pelajar berada dalam halaqah. Hal ini bermaksud, sesi *muraja'ah* dilaksanakan bersama dengan *talaqqi* dan *tasmi'*. Maka para guru membahagikan masa yang sesuai untuk memenuhi aktiviti hafazan dari mula sampai tamat. Informan berikut menyatakan bagaimana beliau menjalankan sesi *muraja'ah*:

“Ok, selepas pelajar habis tasmi', kemudian dia akan ulang, *muraja'ah*, hafazan atau yang dah lama contohnya kelmarin, contohnya.” (GR3). Pelajar yang telah selesai melakukan *muraja'ah* akan kembali semula kepada guru untuk memperdengarkan Fiqh Ayat: “Selepas pelajar *muraja'ah*, pelajar akan datang balik kepada kita untuk *Fiqh Ayat*.” (GR4).

Jelas sekali para informan menyatakan bahawa sesi *muraja'ah* merupakan cabaran yang penting perlu ditangani oleh guru dan pelajar dengan sebaik-baiknya. Hal ini melibatkan kualiti hafazan seperti yang dinyatakan oleh dua orang informan:

- i. “Sebab pelajar, kebanyakan pelajar hanya menghafal sahaja, sebab dia nak kuantiti. Dia fikir yang kuantiti tu yang banyak, dia tak fikir kualiti. Jadi, bagi saya penambahbaikan ini pelajar, aper nih..kita kena suruh pelajar *muraja’ah*, suruh pelajar sentiasa *muraja’ah*. Maksudnya masa berjalan, sukatan ada semuka-semuka setiap hari, tapi dalam masa yang sama kita kena bagi pelajar tu *muraja’ah*lah, mungkin akan apa, tertundalah sikiti, sukatan tu..ah..tapi kerana kita nak kualiti..terpaksalah...pendapat saya tu penambahbaikan tu *muraja’ah* kena lebihlah.”(GR4)
- ii. “Sekolah kena adakan lagi banyak program macam program untuk mengulang. Er..pastu, macam kalau hujung minggu tu macam sekolah kena er..tetapkan murid untuk mengulang. Untuk *tadabbur* Quran. *muraja’ah*.” (PLJR4)

Bahkan ada juga informan yang menyuarakan kebimbangan apabila masa yang diperuntukan untuk *muraja’ah* semakin pendek apabila mereka sudah naik tingkatan empat dan lima.

“Kekangan masa lah kat sini, kekangan masa; waktu *form 2-form 3*. Waktu *halaqah* tu bermula dari 6.30 sampai pukul 7.00. Rehat pastu mula balik 7.30 sampai pukul 9.30. jadi situ banyak lah masa untuk *muraja’ah*, untuk hafazan baru, jadi bila naik *form* ni, naik *form 4-form 5*, masa Quran dia semakin pendek. Sebab kita nak mengejar subjek SPM pulok. Jadi 6.30 sampai 7.00 rehat, sambung balik 7.30 sampailah 8.30 jer..kadang-kadang dalam satu *halaqah* tu ada 8 orang jer, nok kena berebut masa nak *tasmi’* tuh. Jadi itulah masalah saya.” (PLJR5)

Seterusnya pengkaji meneliti dokumen yang merekodkan aktiviti *muraja’ah* ini, iaitu Rekod Hafazan Pelajar (tanpa tarikh) dan mendapati ada panduan pelaksanaan *muraja’ah* terbahagi kepada tiga bahagian seperti berikut:

- i. *Muraja’ah* hafazan baharu: Dua (2) muka surat sebelum muka surat *tasmi’* di hadapan guru secara individu (8.00-8.50 pagi). Setiap murid diperuntukan 4 minit. Aktiviti berlaku pada empat (4) hari pertama minggu pembelajaran.
- ii. *Muraja’ah* hafazan lama: Dua (2) muka surat secara bergilir-gilir (kaedah *tadarus*) sebanyak satu (1) juzuk sebelum juzuk *tasmi’*. Setiap murid *muraja’ah* di hadapan guru antara jam 8.50-9.30 pagi. Setiap murid mengambil masa empat (4) minit setiap orang. Aktiviti ini berlaku pada empat (4) hari pertama minggu pembelajaran.
- iii. *Muraja’ah* mingguan: *Muraja’ah* empat (4) muka surat meliputi semua muka surat yang dihafaz pada minggu tersebut di hadapan guru secara individu. Waktunya antara 7.30-8.30 pagi, iaitu enam (6) minit untuk setiap pelajar. Aktiviti ini dilakukan pada hari ke lima (5) minggu pembelajaran.

Fiqh Ayat

Fiqh Ayat ialah memahami maksud ayat al-Quran yang dibaca. Meskipun kaedah ini bukan sesuai untuk setiap masa, khususnya kepada kanak-kanak atau orang bukan Arab (al-

Ghawthāni, 1998). *Fiqh Ayat* juga merupakan keistimewaan yang terdapat dalam program hafazan IMTIAZ. *Fiqh Ayat* berbeza dengan terjemahan ayat yang bersifat umum dan tidak mendalam. Apabila pelajar memahami *Fiqh Ayat*, beberapa maklumat penting tentang ayat dapat dikuasai seperti ilmu tajwid, *asbāb nuzūl*, kisah, ilmu sains, kosmologi dan hukum-hakam yang berkaitan. Para informan merujuk kepada *Fiqh Ayat* sebagai satu elemen penting dalam proses hafazan.

Kaedah ini bertujuan memberi pendedahan kefahaman kepada pelajar tahfiz. Menurut Azmil Hashim & Kamarul Azmi Jasni (2016) dengan memahami maksud ayat dan makna kalimah, pelajar dapat menumpukan perhatian terhadap ayat yang dihafaz semasa amalan *takrīr*. Sebelum memulakan hafazan, para pelajar IMTIAZ telah didedahkan dengan *Fiqh Ayat* sebagai persediaan mental kepada mereka untuk lebih bersedia menghafaz setiap ayat al-Quran:

“Seperti yang kita buat, *dawrah* yang kita buat, pada setiap tingkatan, kita ambik dari setiap tingkatan, tiap bulan kita buat dan kita *groom* mereka itu sampai kepada pengenalan al-Quran itu sampai seminggu. Mereka faqih tentang hukum-hukum tajwid. Dan *Fiqh Ayat* sebenarnya. Dan inilah sebenarnya perancangan yang paling utama daripada pihak sekolah. (PTD1)

Para guru al-Quran juga mempunyai pengetahuan yang cukup untuk menyampaikan *Fiqh Ayat* kepada pelajar sesuai dengan kelayakan yang mereka miliki.

“Yang *very clear* kita nampak, iaitu peranan guru dalam memberi *ibrah* pengajaran kepada mereka sebab guru pernah didedahkan dengan *Fiqh Ayat*. Dan kita ramai ustaz dan ustazah ini yang sebenarnya *takhasus* mereka ini sebenarnya adalah al-Quran semata-mata. Pahtu kita letakkan mereka untuk pelajar.”(PTD1)

Ada juga informan yang bercerita bahawa *Fiqh Ayat* adalah keunikan yang dibawa oleh program hafazan IMTIAZ berbeza dengan tempat lain yang pernah beliau temui. Beliau bercerita:

“IMTIAZ ni yang bestnya dia ada *Fiqh Ayat*. Aaa...sebab biasa sebelum sek. Saya tiada *Fiqh Ayat*. Aaa..pelajar biasa tulis ‘gundal’ serta makna. Kalau kat sini gundal ayat al-Quran sahaja takder maknalah. Jadi bila pelajar tu bila dia baca *Fiqh Ayat* tu dia faham apa yang terkandung dalam surah tu ...aaa...jadi itu bagi saya amat uniklah...” (GR4)

Informan yang terdiri daripada pelajar juga menyatakan bahawa kesan *Fiqh Ayat* ini menyebabkan mereka lebih memahami pengajaran yang terdapat dalam al-Quran seterusnya mengaitkannya dengan ilmu pengetahuan. *Fiqh Ayat* ini juga terkandung dalam satu subjek yang dinamakan Hifz al-Quran. Perkaitan subjek ini dengan hafazan al-Quran dinyatakan seperti berikut:

“Untuk sekolah ni, setiap pelajar akan ambik satu subjek, iaitu *hifz al-Quran*. Jadi kita sepadankan hafazan Quran dengan satu subjek tersebut, maknanya kita mengerti al-Quran kita menghuraikan ayat-ayat tulah menceritakan mengenai apa. Jadi keunikan yang ada pada sekolah ini er...ustaz menjadi sumber rujukan. Dan dalam halaqah tu pelajar berkongsilah tentang apa yang mereka hafaz dan menda ni memudahkan apalah hafalan kita orang sebab boleh berkongsi untuk mengulang sekali gitulah...” (PLJR1)

Informan juga mengakui bahawa *Fiqh Ayat* membantunya untuk hafaz al-Quran kerana isi kandungan yang dihafaz itu dapat difahami:

“Bagi diri saya sendiri, ermm, bila kita ikuti program hafazan ni, er...secara tidak langsung saya boleh mengingati al-Quran, saya boleh faham, err...apa kandungan ayat al-Quran itu” (PLJR3).

Malah *Fiqh Ayat* juga mencetuskan refleksi terhadap komponen Ensiklopedik yang menjadi teras program Ulul Albab ini seperti pernyataan informan:

“Hafazan ni membantu, hafazan ni yang paling jelas membantu dalam bidang sainslah. Jadi macam contoh ada ayat yang berunsur saintifik, seperti mencerita tentang ketumpatan; pergerakan bumi dan matahari, jadi ketika itu sepadan dengan silibus tingkatan dua. Jadi kita macam rasa kagum sebab menda ni telah diketahui sejak 1400 tahun dahulu..jadi kita masih er..er maknanya sumber tu telah ada, jadi mengagumkan bagi kita...err..lagi kisah-kisah dalam Quran tu sendiri memudahkan untuk kita orang menjawab pendidikan Agama Islam. Pendidikan Quran Sunnah atau pun err. sebagainya...” (PLJR1)

Menurut informan juga, *Fiqh Ayat* merupakan satu saranan untuk pelajar mula berfikir tentang ayat-ayat al-Quran dan mengkaji maksud yang tersurat dan tersirat di dalamnya.

“Eee..sebab apa..pelajar bila dia menghafal al-Quran sudah pasti di sana dia akan mengkaji. Apabila mereka mengkaji ayat-ayat tertentu dan dalam konteks sekarang kita panggil *Fiqh Ayat*. *Fiqh Ayat* tak dapat tidak kita kena cari ilmu-ilmu yang lain berkaitan dengan *Ensiklopedik*.” (PTD2)

Menerusi *Fiqh Ayat* juga informan dapat menambahkan maklumat tentang asbab nuzul ayat yang dihafaz. Informan ada menyebut:

“Oklah sebab KBT ni kan dia ada subjek *hifz Quran*, mana dia tebuk kita orang dari juzuk 1-30; tapi ikut sukatan tingkatan. Ermm..itulah..dia ada *fiqh ayat*, macam *asbabul nuzul*” (PLJR4)

Berdasarkan temu bual juga pengkaji mendapati kaedah *Fiqh Ayat* begitu signifikan dalam program hafazan al-Quran. Hal ini pada hakikatnya telah diperkukuhkan lagi dalam dokumen Daftar Hafazan Pelajar (tanpa tarikh) yang menetapkan sesi khas untuk *Fiqh Ayat*:

“Menerangkan empat (4) muka surat meliputi semua muka surat yang dihafaz pada minggu tersebut di hadapan guru secara individu antara jam 7.30 pagi -8.30 pagi (6 minit setiap orang). Aktiviti dilakukan pada hari ke lima (5) minggu pembelajaran.”

Aktiviti *Fikh Ayat* dilaksanakan secara individu untuk menguji kefahaman mereka terhadap ayat yang telah dihafaz.

Gundal

Gundal ialah istilah matematik yang merujuk kepada pelajar tahfiz membuat semakan hafazan mereka berdasarkan bilangan kekerapan. Apabila cukup jumlah yang disasarkan, maka bilangan itu ditanda dengan garisan. Hakikatnya, tujuan buku gundal ialah untuk mengira *takrīr* hafazan pelajar. Buku gundal itu nanti perlu disemak guru al-Quran sebagai bukti pelajar telah membuat ulangan yang mencukupi. Istilah ini masih digunakan di IMTIAZ meskipun ia bukan lagi merujuk kepada kaedah yang sama dalam istilah matematik.

Pada masa sekarang, *gundal* merujuk kepada buku yang digunakan untuk aktiviti menyalin semula (*hifz tahrīrī*). *Hifz tahrīrī* atau *kitābah* merupakan kaedah sokongan yang membantu dan mengukuhkan hafazan al-Quran (al-Ghawthāni 1998; Azmil Hashim & Kamarul Azmi Jasmi 2016). Buku *gundal* ini seumpama pelajar menulis kembali ayat-ayat al-Quran yang dihafaz dan menjadi naskah al-Quran yang lengkap apabila mereka telah khatam 30 juzuk al-Quran.

Penggunaan buku *gundal* adalah penting untuk membantu pelajar memperbaiki hafazan dan menyemak bahagian ayat-ayat yang sukar untuk dihafal. Pemerhatian pengkaji semasa temu bual mendapati pelajar tahfiz IMTIAZ diwajibkan menggunakan buku gundal seperti dalam pernyataan berikut:

“Dan antara penambahbaikan yang kita buat bagaimana nak *sustain* mereka punya hafazan itu kita laksanakan dan kita kuatkuasakan amalan penulisan buku gundal. Aa...sebab dalam proses pembelajaran err...mata, semua yang pancaindera kita ini berfungsi secara *immediate* secara serentak.” (PTD1)

Pelajar juga menyatakan bagaimana mereka mempraktikkan penulisan hafazan mereka dalam buku gundal seperti pernyataan berikut:

“ada...lepas hafal tuh, dia atas; sebelum atau selepas tu tulis dalam gundal” (PLJ6).

Namun praktikal menulis gundal ini berbeza dengan tempat lain, iaitu pelajar IMTIAZ hanya menulis ayat-ayat hafazan sahaja. Manakala di institusi lain menulis gundal disertakan dengan makna ayat seperti maklum balas informan berikut:

“Aaa..sebab biasa sebelum ini, sekolah saya tiada *fikh ayat*. Aaa..pelajar biasa tulis gundal serta makna. Kalau kat sini gundal ayat al-Quran sahaja takder maknalah.” (GR4).

Penelitian pengkaji terhadap dokumen yang berkaitan mendapati menulis buku *gundal* ini dilaksanakan apabila ayat-ayat telah berjaya dihafaz. Hal ini disebut dalam poin ke 10 dalam Daftar Hafazan Pelajar (tanpa tarikh) dengan catatan berikut:

“10. Murid dikehendaki menulis kembali ayat-ayat yang dihafaz”

Seterusnya aktiviti pelaksanaan kaedah ini diperincikan lagi seperti berikut:

“1.1 menulis ayat-ayat hafazan baharu (*tahrīri* hafazan) sebanyak satu (1) muka surat secara individu selama 30 minit (7.00 malam-7.30 malam).”

Aktiviti ini dipantau oleh guru al-Quran yang bertanggungjawab bertugas di samping menjadi tempat rujukan pelajar. Pengkaji juga sempat meneliti buku gundal ini yang mempunyai ciri-ciri berikut:

Saiz: (Kulit) Panjang 30.2 cm/12”, lebar 20.6 cm/8.2” dan (Kertas) Panjang 29.6 cm/11.7”, lebar 20.6 cm/8.2”

Ketebalan/halaman: 620 halaman

Warna: Hitam

Kos Jualan: RM18.00

Taqsim

Taqsim bermaksud pembahagian, iaitu teknik yang dipraktikkan oleh pelajar untuk membantu hafazan mereka. Teknik ini merupakan teknik yang bagus dan dapat memudahkan proses hafazan pelajar. Pembahagian muka surat dalam lebaran al-Quran sebelum memulakan hafazan diterima sebagai teknik yang berkesan. Teknik ini digunakan semasa menggunakan kaedah ulangan. Menurut Azmil Hashim & Kamarul Azmi Jasni (2016), teknik ini adalah gabungan daripada teknik *tasalsuli* (rangkaian) dan teknik *jam 'i* (menghimpun).

Menurut teknik ini, satu halaman al-Quran itu dibahagikan kepada tiga bahagian atau empat bahagian (al-Ghawthāni 1998). Jadi apabila sudah lancar bahagian pertama, barulah berpindah ke bahagian kedua. Apabila sudah lancar bahagian kedua barulah dimulakan bahagian ketiga. Apabila ketiga-tiga bahagian itu sudah siap dihafal, barulah pelajar menyambung hafazan mereka menjadi satu halaman.

“Kemudian sebelum menghafal saya akan bahagikan satu muka surat tu kepada tiga bahagian. Biasanya satu muka surat tu ada 15, saya bahagi kepada tiga. Jadi satu bahagian tu saya akan ulang dalam 20-30 kali. Setiap hari..jadi saya kena cari masa baik-baik. Bagi masa dengan belajar.” (PLJ5)

Dengan itu selesailah satu muka surat untuk *ditasmi*'kan di hadapan guru al-Quran.

Berkenaan dengan teknik ini, informan yang juga menggunakan teknik yang sama semasa menghafaz al-Quran. Menurut informan:

“Cara saya macam Hanim jugok, err..satu muka surat tu bahagi tiga. Pahtu sebelum hafal tu, baca banyak kali dulu satu muka surat, pahtu setiap ayat tu baca dengan maksud tafsir dia.” (PLJ6).

Dalam dokumen Kurikulum (2010), teknik ini dicadangkan pelaksanaannya kepada pelajar al-Quran di IMTIAZ. Dokumen ini menyebut bahawa semasa menghafaz, bahagikan muka surat yang hendak dihafaz kepada tiga (3) atau empat (4) bahagian. Justeru itu, pelaksanaan teknik ini kepada pelajar adalah mengikut garis panduan yang telah dibuat oleh pihak pengurusan.

Kesimpulan

Tuntasnya, kajian ini memperlihatkan para pelajar pada peringkat awal pengajian di IMTIAZ telah diberikan penerapan berkaitan persiapan menghafaz al-Quran sepanjang mereka di sana. Pelbagai kaedah telah dikenal pasti dan dipraktikkan dalam program hafazan al-Quran. Walau bagaimanapun, pengkaji belum mengetahui kaedah-kaedah lain yang mungkin diamalkan oleh pelajar dan guru di IMTIAZ. Seajar dengan itu, kajian ini masih boleh diselidik dengan lebih mendalam lagi pada masa akan datang.

Perlu ditegaskan bahawa tujuan utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti data-data berkaitan dengan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran tahfiz al-Quran dalam program hafazan dalam memastikan para pelajar IMTIAZ berjaya mendapat gelaran sebagai hafiz. Pengkaji menemui lapan kaedah yang dipraktikkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran al-Quran. Namun begitu, kaedah-kaedah tersebut tidak dapat dijelaskan secara teliti sama ada kadar keberkesanannya memberi impak yang berbeza dalam mendapatkan hafazan yang telus dan baik. Justeru, apabila pelaksanaan kaedah ini diamalkan secara konsisten, kemungkinan besar ianya dapat menunjukkan hasil yang memberangsangkan kepada pelajar-pelajar dalam menghafaz al-Quran.

Kaedah pengajaran yang diamalkan seperti *halaqah*, *talaqqi*, *tasmi*' dan *fiqh ayat* merupakan kaedah yang telah mapan dan diterima dalam program hafazan al-Quran. Kaedah sebegini juga dapat mengawal aktiviti hafazan secara berterusan (*halaqah*), memurnikan bacaan al-Quran dan hafazan (*talaqqi*), menilai kualiti bacaan dan kadar hafazan (*tasmi*') dan memahami ayat hafazan secara asas (*fiqh ayat*). Begitu juga dengan kaedah pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar juga mempunyai kekuatannya yang tersendiri. Kaedah ini menjadi strategi pembelajaran seperti mengulang secara kerap dapat mengekalkan ingatan jangka panjang (*takrar*), membuat ulang kaji berkala (*muraja'ah*), mencatat kekerapan latihan hafazan

(gundal) dan membahagikan kuantiti yang perlu dan mampu dihafaz (*taqsim*). Pelajar telah didedahkan dengan kaedah ini oleh guru dan mengamalkannya di dalam program Ulul Albab.

Berdasarkan pemerhatian pengkaji juga, tema penggunaan teknologi tidak menonjol dalam kajian ini dalam kaedah hafazan al-Quran. Justeru itu, pengkaji menjangkakan terdapat dua kemungkinan hal ini terjadi, iaitu pertama penggunaan telefon pintar atau komputer adalah terhad dengan peraturan yang diamalkan di IMTIAZ dan keduanya ialah masa yang diperuntukkan untuk aktiviti hafazan terlalu padat sehingga tiada ruang untuk penggunaan teknologi bagi membantu hafazan. Namun hal ini boleh dilanjutkan dalam kajian akan datang dengan mengambil kira teknologi sebagai elemen sokongan dalam proses pembelajaran hafazan al-Quran selari dengan perkembangan dalam teknologi pendidikan.

Rujukan

- Ahmad Sunawari Long. (2009). *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. Universiti Kebangsaan Malaysia: Jabatan Usuluddin dan Falsafah.
- Al-Ghawthāni, Yahaya ‘Abd al-Razzāq. (1998). *Kayfa Tahfāz al-Qur’ān: Qawā'id Asasiyyah wa Ṭuruq ‘Amaliyyah*. Arab Saudi: Dar Nūr al-Maktabāt.
- Azmil Hashim dan Ab. Halim Tamuri. (2012). Persepsi pelajar terhadap kaedah pembelajaran tahfiz al-Quran di Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 4(2), 1-10.
- Azmil Hashim dan Kamarul Azmi Jasmi. (2016). *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Tahfiz al-Quran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azmil Hashim, Ab. Halim Tamuri, Misnan Jemali dan Aderi Che Noh. (2014). Kaedah pembelajaran tahfiz dan hubungannya dengan pencapaian hafazan pelajar. *Journal of al-Quran and Tarbiyyah*, 1(1), 9-16.
- Bailey, K.D. (1984). *Kaedah Penyelidikan Sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Houghton, C., Casey, D., Shaw D., dan Murphy, K. (2013). Rigour in Qualitative Case-Study Research. *Nurse Researcher*. 20(4), 12-17. DOI: <https://journals.rcni.com/doi/abs/10.7748/nr2013.03.20.4.12.e326>
- IMTIAZ. (2008). *Satu Pengalaman dan Pelaksanaan Kurikulum di IMTIAZ*. Tidak diterbitkan.
- Kurikulum. (2010). *Hal Ehwal Akademik*. Bahan tidak diterbitkan.
- Mior Khairul Azrin Mior Jamaluddin. (2011). Sistem pendidikan di Malaysia: Dasar, cabaran, dan pelaksanaan ke arah perpaduan nasional. *Sosiohumanika*, 4(1), 33-48.
- Mohamad Khairudin Bajuri, Rohaida Mohd. Saat, M. Y. Zulkifli Mohd. Yusoff, Noor Naemah Abdul Rahman dan Durriyyah Sharifah Hasan Adli. (2014). Pendekatan Peneguhan Bagi Aktiviti Hafalan Al-Quran dalam Kalangan pelajar di Peringkat Menengah Rendah, *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 8, 113-135.
- Mohd Khairi Zainuddin, Mohd Nazri Zainuddin dan Mohd Fuad Mohd Isa. (2010). *Kamus Arab-Melayu-Inggeris: Miftāh al-Ṭullāb*. Kuala Lumpur: Al-Azhar Media Enterprise.
- Mohd. Majid Konting. (2009). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

- Murihah Abdullah, Abdul Hafiz Abdullah, Arieff Salleh Rosman dan Mohd Faez Ilias. (2015). Pendidikan Tahfiz di Malaysia: Satu Sorotan Sejarah. Dalam *International Conference on Islamic Education and Social Entrepreneurship, Langkawi, Malaysia*.
- Pelan Perancangan dan Pembangunan Kecemerlangan Hafazan al-Quran Sekolah Menengah IMTIAZ Yayasan Terengganu Besut. (2017). Tidak diterbitkan.
- Rekod Hafazan Pelajar. (Tanpa Tarikh). *Daftar Mutaba'ah al-Tullāb fi Hifz al-Quran (Naskh al-Mu'allim)*. Salinan fotostat.
- Rekod Talaqqi. (2018). *Rekod Talaqqi Pelajar Sebelum Menghafaz 2018: Sekolah Menengah IMTIAZ Yayasan Terengganu Besut*. Salinan fotostat.
- Shukery Mohamed. (2010). *Inovasi Kurikulum Sekolah Menengah: Kes Sekolah di IMTIAZ*. Universiti Malaysia Terengganu: Penerbit UMT.
- Solahuddin Ismail. (2016). Institusi Tahfiz di Malaysia: Prospek dan Cabaran. *Simposium Tahfiz al-Quran Peringkat Antarabangsa, at Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) Bangi Selangor*, (1).
- Sulaiman Shamsuri. (2004). *Research Methods for the Social Sciences - Made Simple*. Kuala Lumpur: DSS Publication.
- Wan Ainun Sailah Binti Wan Adnan. (2018). Kaedah Hafazan Al-Quran dalam Kalangan Pelajar di Sekolah Menengah Intiaz, Yayasan Kuala Terengganu. Laporan Akhir Sarjana Muda Universiti Terbuka Malaysia.
- Wan Khalijah Wan Jusoh, Ahmad Hj. Abdul Rahman, Wan Nasyruddin Wan Abdullah dan Nur Hanisah Mohammad Nor Affandi. (2013). Kaedah Menghafaz al-Quran yang Diaplikasi oleh Para Pelajar Darul Quran, Jakim. *Jurnal KIAS*, 2(VIII), 14-27.
- Ikhwanuddin, M., & Hashim, C. N. (2014). Relationship between Memorization Technique, Mastery of the Arabic Language and Understanding of the Qur'an. *IJUM Journal of Educational Studies*, 2(2), 84-97. DOI: <https://doi.org/10.31436/ijes.v2i2.46>